

# BIDAAH DAN KHURAFAT

*Kullu bid'atin dholaalatu wakullu dholaalatin finnari – hadith Syarif*

-----\*-----\*

Memerangi bidaah-bidaah dan khurafat memang suatu perkara yang terlalu sukar melaksanakannya. Bahkan orang yang berani ke tengah melancarkan cita-cita yang murni ini tidaklah ubahnya ibarat seorang yang hendak mengharungi lautan yang penuh dengan ranau dan seribu satu macam bahaya lagi. Bukan sedikit pahlawan-pahlawan Islam yang telah menderita dan menjadi korban kata mistik yang telah dicurahkan kepada mereka oleh ahli-ahli bidaah dan khurafat. Tidak payah kita berbalik ke zaman yang silam melihat nasib Syeikh Al-Islam “Ibnu Taymiyyah” dan rakan-rakannya yang telah menderita dengan sepayah-payahnya kerana sikap mereka tegak berdiri dengan beraninya membersihkan agama suci daripada dinodai oleh sebarang “tokok tambah” yang tidak tentu asal puncanya, tetapi memadai sahaja kalau dikenang nasib jaguh-jaguh Islah yang terkemuka dalam kurun kesembilan belas dan kedua puluh ini seperti Al-Syed Jamaluddin Al-Afghani, Al-Syiekh Muhammad Abduh dan Al-Syed Muhammad Rashid Redha. Mereka telah dinista dan dicerca oleh golongan-golongan yang taksub yang telah terdidik menjadi pengekor dengan buta tuli sahaja. Pahlawan-pahlawan Islam yang telah dicaci dalam masa hidupnya sebagaimana yang telah disebutkan itu sekarang mereka – setelah menutup mata- telah dipuji dan dipuja bahkan nama mereka telah tercatit dengan dakwat emas sebagai pencipta-pencipta perubahan yang baik (muslihin) dan pembina kebangkitan Islam yang cemerlang dalam zaman yang akhir ini

## BIDAAH SESAT DAN ASAL USULNYA

Bidaah yang dilarang ialah tiap-tiap perbuatan yang “mengurang” dan “menambah” amal-amal yang disuruh oleh agama. Jelasnya tiap-tiap amal yang tidak bersendikan dalil syarak dan berlawanan pula dengan kandungan kitab Allah, perjalanan Rasulullah dan sahabat-sahabat Nabi –Al-Khulafa’ Ar-Rasyidin – maka yang demikian itu “bidaah sesat” namanya.

Di dalam Al-Quran Al-Karim terbentang dengan jelasnya larangan Tuhan Azza wa Jalla supaya “bidaah-bidaah sesat” itu dijauhi, firmanNya:

*Wa inna hadha sirati mustaqim, fattiabi’uhu wa la tattabi’u al-subula  
fa tafarraqa bikum ‘an sabilihi dhalikum wassakum bihi la’allakum tattaqun.”*

153 Al-An’am.

Ertinya: “Sesungguhnya ini jalanku yang lurus, maka ikutlah kamu akan dia. Janganlah diikut beberapa jalan yang lain yang menceraikan kamu daripadanya. Demikianlah Allah berwasiat kepada kamu, mudah-mudahan kamu takut-

menjauhkan diri dari larangannya.”

“Al-Siratul Mustaqim” atau “jalan yang lurus” ialah jalan Tuhan yang telah diseru kepadanya dan itulah juga “Al-Sunnah” atau “perjalanan” Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam yang telah diikuti oleh sahabat-sahabatnya yang telah mendapat pertunjuk.

Adapun “Al-Subula” ialah “jalan-jalan yang bersimpang siur” iaitu jalan orang-orang yang telah tergelincir dan ahli-ahli bidaah yang telah sesat Barat.

Suatu hadith untuk menyokong keterangan ini telah diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, An-Nasaai dan lain-lainnya daripada Abdullah Ibnu Mas’ud katanya: “Bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam telah menggores di tanah satu gurisan lalu bersabda: “*Haza sabila ar-nasyad*” (ini jalan pertunjuk) kemudian digores beberapa gurisan di sebelah kanannya dan di sebelah kirinya lalu bersabda: “*Hazhi subula ala kulla sabiila*

minha syaithona yad'uwa ilaihi” (inilah jalan-jalan di atas tiap-tiap satu daripadanya syaitan yang menyeru kepadanya). Setelah itu baginda pun membaca ayat ini (yang terbentang di atas) dan dibacanya ayat yang lain, iaitu:

“Inna alladhina farraqu dinahum wakanu shiya'an lastu minhum fi shay'in innama amruhum ila Allah thumma yunabbi'uhum bima kanu yaf'aluhum”

159 Al-An'am.

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang bercerai berai tentang agama mereka dan berpuak-puak pula, maka bukanlah engkau daripada golongan mereka sedikit jua pun. Sesungguhnya perkara mereka terserah kepada Allah, kemudian ialah yang memberitahu mereka tentang apa yang mereka kerjakan.”

Tafsir ayat ini tersebut di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah Radhiyallahi Anhu, katanya: “Rasulullah ada bersabda:

“Ya Aishah, inna alladhina farraqu dinahum wakanu shiya'an min hum.” (wahai Aisyah sesungguhnya orang-orang yang telah mencerai beraikan ajaran agama mereka dan menjadi berpuak-puak, siapakah mereka itu?) Maka saya pun berkata: “Allah Taala dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui.” (mendengar jawabnya maka Nabi bersabda lagi):

“Hum ashabu al-ahwa' wa ashabu al-bida' wa ashabu al-dalalati min hadhihi al-ummak” (Merekalah ahli-ahli hawa nafsu yang berbagai-bagai ragamnya, dan ahli-ahli bidaah- yang berbagai-bagai corak bentuknya, serta ahli-ahli kesesatan daripada umat Islam ini.)

Di dalam Al-Hadith Al-Syarif pula soal bidaah sesat ini telah dijelaskan dengan panjang lebar:

Telah terbayang kepada junjungan kita (SAW) bahawa sebahagian daripada umatnya akan terpesong kepada mengerjakan bidaah-bidaah sesat. Oleh yang demikian maka baginda telah mengumpulkan sahabat-sahabatnya dan berucap dengan kata-kata yang menyebabkan

sekaliannya terharu dan menitiskan air mata. Berkenaan ini suatu hadith sahih telah diriwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Tirmizi dan Abi Najib Al-Barbad bin Sariat Radiallahu anhu, katanya:

“Kami telah dinasihati oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam dengan suatu ucapan yang menggegarkan hati kami dan menyebabkan kami menitiskan air mata. Kami pun berkata: Ya Rasulullah seolah-olahnya ini ialah nasihat ajaran yang penyudah. Baginda pun berwasiat kepada kami sabdanya:

“Usikum bi taqwallah wa al-sam'i, wa al-ta'ati wa an ta'mura 'alaykum 'abdan habshiyya fa-innahu man ya'ishu minkum ba'di fa siri ikhtilafan kathiran. Fa 'alaykum bi sunnatil wa sunnatil wa sunnatil khulafa' al-rashidin al-mahdiyyin, tamassaku bi hadha wa 'asaw 'alayha bi al-naawijidh, wa iyyakum wa muhdahati al-umur fainna kulli muhdathatin bid'at in wa kullu bid'at in dalalah”.

Ertinya: “Aku berwasiat kepada kamu dengan takwa kepada Allah dan mendengar serta taat (kepada Auli Al-Amar) walaupun pemerintah kamu itu seorang hamba Habsyi sekalipun. Maka sesungguhnya siapa-siapa yang hidup lama di antara kamu kemudian daripadaku, akan melihat pertelingkahan yang banyak, (dengan wujudnya bidaah-bidaah dan fitnah-fitnah persengketaan). Ikutilah kamu akan sunahku (perjalananku yang mengenai iktikad, ibadat, muamalat, dan budi pekerti) dan perjalanan khalifah-khalifah yang menjadi pemimpin dan mendapat pertunjuk, berpeganglah kamu dengannya dan gigilah kamu akan dia dengan geraham-geraham, (berpegang teguh kepadanya), berhati-hatilah kamu daripada mengerjakan perkara-perkara yang baharu (perubahan-perubahan yang mengurung dan menambah perintah-perintah syarak), maka sesungguhnya tiap-tiap perkara yang baharu (yang menyalahi syarak) ialah bidaah, dan tiap-tiap bidaah itu sesat”.

Dalam riwayat yang lain ada tersebut: “Tiap-tiap bidaah itu sesat dan tiap-tiap sesat di dalam neraka.”

Muslim pula meriwayatkan daripada Jabar bin Abdullah bahawa

Rasulullah (SAW) kerap kali membaca di dalam khutbahnya:

*“Amma ba’du fainna khayra al-hadith kitabullah, wa khayra al-hadi  
hadi Muhammad wa sharr al-umur muhdathatuha wa kulla bid’atin dalalah.”*

Ertinya: “Adapun kemudian daripada itu maka sesungguhnya seelok-elok ‘kata-kata’ ialah kitab Allah, dan seelok-elok pertunjuk ialah pertunjuk Muhammad, dan sejahat-jahat perkara-perkara ialah yang diada-adakan dan tiap-tiap bidaah itu sesat.”

Suatu hadith yang lain diriwayatkan Al-Thabranî dengan “sanad” yang sahîh bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

*“Ma taraktu shay'an yuqarribukum ila Allah ta'ala illa wa qad  
amartukum bihi wama taraktu shay'an yub'idukum 'an Allah illa  
waqad nahaytukum 'anhу.”*

Ertinya: “Tidak aku tinggalkan sesuatu yang mendampingkan kamu kepada Allah Taâla melainkan telahpun aku memerintahkan kamu dengannya, dan tidak aku tinggalkan sesuatu yang menjauhkan kamu daripada Allah Taâla melainkan telahpun aku menegahkan kamu daripadanya.”

Bukhari dan Muslim pula meriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radhiyallahu ‘anhuhu bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

*“Man ahdatha fi amrina hadha ma laysa minhu fahuceea radd”*

Ertinya: Barang siapa yang mereka atau mengada-adakan di dalam urusan (perintah-perintah agama) kami ini barang yang bukan daripadanya. Maka (amalnya itu) adalah tertolak.

Di dalam suatu hadith yang lain pula ada tersebut:

*“Kullu ‘amalin laysa ‘alayhi amrina fahuceea radd”*

Ertinya: “Tiap-tiap amal yang tidak ada padanya perintah Kami maka adalah ia tertolak.”

Kesimpulannya, Rasulullah (SAW) telah menjelaskan di dalam khutbahnya ketika mengerjakan “Hajatul Wida” (Haji yang penyudah) bahawa umatnya tidak akan tergelincir dan sesat kiranya mereka berpegang teguh kepada dua perkara yang menjadi asas agama, sabdanya:

*“taraku fikum amrâyñ lan tadillu ma tamassaktum bîhimâ:  
kitabullah ta’ala wa sunnati rasulihî sallallau ‘alayhi wasallam.”*

Ertinya: “Telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara

yang kamu tidak sekali-kali akab sesat barat selagi kamu berpegang kepada keduanya: Kitab Allah dan sunnah Rasulnya.”

Dengan bayangan ini rasanya jelaslah bagaimana keduduan “bidaah sesat” itu di dalam Islam. Mudah-mudahan kita semua akan dapat mengawal diri daripada bidaah-bidaah yang dilarang itu.

\* \* \*

Mulai dari keluaran ini dan seterusnya- Insya Allah – penulis halaman ini akan menarik perhatian pembaca-pembaca yang dihormati kepada soal bidaah-bidaah yang kerap kali dilakukan oleh kebanyakan orang-orang kita dengan tidak disedari kerana tidak mendapat penerangan yang sebenarnya. Dengan yang demikian oleh kerana kita sedang berada dalam bulan Muharram yang mengandungi peristiwa “Asyura” maka kena pada tempatnya kiranya bidaah-bidaah “Asyura” itu dijelaskan di sini dengan harapan supaya orang-orang kita yang tidak mengetahuinya akan tercegah daripada melakukannya.

### Bidaah-bidaah Asyura’

Menurut penyelidikan yang telah tahniq, hanya berpuasa sahaja yang pernah dilakukan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam tatkala menyambut hari “Asyura” ini.

Di dalam hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim ada tersebut: Tatkala Nabi berhijrah ke Madinah maka baginda telah mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura’ (10 Muharram). Nabi pun bertanya kepada mereka akan sebabnya, dan mereka pula menjawab:

“Hari ini, hari baik, di dalamnya kaum Bani Israil telah diselamatkan Tuhan dari angkara musuh (Firaun) dan kerana menghormatinya Nabi Musa telah berpuasa di dalamnya, kami pun menurut jejaknya kerana bersyukur kepada Tuhan.”

“Kalau begitu- sahut baginda- aku lebih berhak daripada kamu tentang menghormati Musa”. Baginda pun berpuasa pada hari itu lalu disuruhnya orang-orang Islam berpuasa sama-yakni puasa sunat.

Sebenarnya tidaklah baginda berpuasa pada hari “Asyura” itu semata-mata kerana membenarkan keterangan kaum Yahudi yang tersebut bahkan baginda telah menjadi kelaziman kepadanya semenjak dahulu berpuasa pada hari itu. Perkara ini ada tersebut di dalam kedua-dua kitab sahih – Bukhari dan

Muslim bahawa Saidatina Aisyah Radhiyallahu ‘anhuhu berkata:

“*Kanat Quraysh tasumu yaem ‘ashura fi al-jahiliyyah wa kana rasulullah sallallhu ‘alayhi wa sallam yasumuha fa lamma qaddama al-madinah samahu*”.

Ertinya: “Adalah kaum Quraisy berpuasa pada hari Asyura’ dalam masa Jahiliyah – kerana sesuatu kepercayaan mereka- dan adalah Nabi (SAW) berpuasa akan hari itu maka apakala tiba di Madinah berpuasalah ia akan dia -menurut kelazimannya itu”.

Dan sunnah juga berpuasa pada hari yang kesembilan- sehari sebelum hari Asyura’ itu, kerana berpandu kepada hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Muslim:

“Kiranya aku panjang umur hingga tahun hadapan nescaya aku akan berpuasa pada hari yang kesembilan.”

Al-Imam Al-Syafie pula berkata: Saya telah dikhabarakan oleh Sufian bahawa Abdullah bin Abi Ziyad ada mendengar Ibnu Abbas berkata:

“*Sumu al-tasi’ wa al-‘ashir wa la tashbahu bi al-yahud*.”

Ertinya: “Berpuasalah kamu akan hari yang kesembilan dan kesepuluh dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi” yakni tentang mereka menentukan puasa Asyura’ pada hari yang kesepuluh sahaja.

Dalam riwayatnya yang lain bahawa Ibnu Abbas berkata:

“*Sumu yaem ‘ashura wa khalfu al-yahud wa sumu qablahu yauman aw ba’dahu yazeman*.”

Ertinya: Berpuasalah kamu pada hari Asyura’ dan pertelingkahilah (cara puasa) kaum Yahudi, dan berpuasalah kamu sehari (sebagai tambahan) terlebih dahulu daripadanya atau sehari kemudian daripadanya.”

Inilah amal sunat yang patut dikerjakan pada hari Asyura’ kerana berpandu kepada perbuatan Nabi, tetapi malangnya tujuan suci itu telah ditambah oleh orang-orang Islam dengan berbagai-bagai perbuatan bidaah yang tidak disuruh oleh agama.

Kaum Syiah telah menjadikan hari Asyura’ itu hari ratap tangis dan mengutuk-ngutuk pihak Yazid yang telah membunuh Saidina Husin Radiallahu anhu.

Setengah orang-orang Islam yang lain pula telah menjadikan dia sebagai Hari Raya kecil dengan mengadakan berjenis-jenis makanan dan bermacam-macam bubur yang dimasak khas kerana hari “Asyura” itu.

Setengahnya pula bercelak pada hari itu kerana berpegang kepada suatu hadith yang mengatakan: “Barangsiapa bercelak pada Hari Asyura’ maka tidaklah ia akan terkena rabun selama-lamanya.” Pada hal hadith ini dusta walaupun disandarkan kepada Ibnu Abbas.

Al-Imam Ahmad bin Hanbali berkata: “Perkara bercelak pada hari Asyura’ bukanlah perbuatan Rasulullah (SAW) bahkan adalah ia suatu bidaah”.

Setengahnya pula bermandi manda pada hari itu dengan iktikad akan terjauh daripada penyakit pada tahun itu. Dalam perkara ini mereka berpegang kepada hadith yang mengatakan: “Barangsiapa mandi dan bersuci pada hari Asyura’ maka ia tidak akan jatuh sakit pada tahun itu.” Hadith ini pun dusta juga sebagaimana hadith celak yang tersebut ialah direka oleh puak pembunuh Saidina Husin.

Kesimpulannya menurut penyelidikan alim ulama yang kebilangan seperti Al-Alamah Ibnu Al-Az Al-Hanafi, Al-Hafiz Al-Sahawi Al-Hafiz Al-Suyuti dan lain-lainnya bahawa tidak sabit daripada Rasulullah pada hari Asyura’ melainkan puasanya. Sedang yang lain-lain semuanya bidaah belaka. Demikian juga pandangan imam-imam yang berempat Radhiyallahu ‘anhuhum ajmain.

Sekianlah mudah-mudahan segala amal kita biarlah hendaknya bersih daripada sebarang bidaah yang dilarang! – Saifuddin.